

25/07/1999

Usah berpolitik ketika belajar

Tajuddin Saman

MANUSIA tidak dapat mengelakkan diri daripada perasaan bimbang kerana ia tabi'i semula jadi insan. Kebimbangan biasanya berpunca daripada perasaan tidak ingin melihat kekecewaan berlaku dalam hidup.

Kita bimbang terhadap masa depan diri dan keluarga yang tidak menentu. Bimbang terhadap masa depan persekolahan anak. Bimbang kalau padi ditanam, lalang yang tumbuh. Dan bimbang terhadap segala yang mungkin mendatangkan gejala buruk. Sebaliknya orang tidak bimbang kalau sesuatu yang terhasil tidak mengecewakan. Buruk dibimbang, baik dijulang.

Ketika membuat liputan dialog petani-nelayan dengan bekas Pengerusi Bank Pertanian Malaysia yang juga bekas Ahli Parlimen Kuala Kedah, Datuk Abu Bakar Rautheen Ibrahim di Institut Tadbiran Awam (Intan) Sungai Petani sekitar awal 80-an, saya masih ingat seorang petani bertanya beliau mengenai masa depan projek ternakan udangnya yang ditenggelami air kerana hujan lebat.

"Saya cukup bimbang Datuk. Kalau bank tidak beri bantuan, projek saya mungkin gagal," kata petani itu.

Dan menariknya ialah jawapan Abu Bakar yang antara lain berbunyi begini: "Bercakap pasal bimbang ini, saya lagi bimbang kerana dalam pilihan raya akan datang, belum tentu lagi nama saya dipilih menjadi calon!" Jawapan Abu Bakar itu disambut gelak ketawa hadirin.

Ternyata, setiap orang sering diburu perasaan bimbang. Kebimbangan sebenarnya menjalar di mana-mana. Sekadar tahapnya saja mungkin berlainan antara satu dengan lain.

Apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bimbang terhadap prestasi pelajar Melayu kini, ia tentulah satu kebimbangan yang memerlukan perhatian semua pihak.

Kebimbangan Dr Mahathir terhadap jurang perbezaan pencapaian akademik pelajar Bumiputera dan bukan Bumiputera yang boleh menimbulkan perasaan iri hati dan menjejaskan kestabilan politik mencerminkan pandangan jauh seorang pemimpin yang nampak dengan jelas hala tuju negara.

Sebagai pemimpin, beliau mampu 'melihat' apakah kesan kelemahan pelajar Melayu di institusi pengajian tinggi sekarang terhadap hari esok, agama, bangsa dan tanah air.

Beliau mengakui kemampuan pelajar Melayu sebenarnya setanding kaum lain tetapi disebabkan pengaruh pihak tertentu, mereka tidak memberi tumpuan terhadap pelajaran sebaliknya terbabit dalam pelbagai kegiatan, termasuk politik.

Bagaimanapun, ketika ini kebimbangan pemimpin terhadap masa depan pelajar bangsanya mungkin dianggap retorik politik semata-mata tetapi pada yang mahu melihatnya secara rasional, ia memang membimbangkan.

Ibu bapa yang prihatin terhadap gejala ini bukan saja perlu merasa bimbang tetapi lebih daripada itu, ada yang resah dan gelisah. Seorang kawan saya di utara menyatakan kebimbangan terhadap anaknya yang sedang belajar di tingkatan satu sebuah sekolah agama.

Menurutnya, perangai anaknya sekarang agak berlainan daripada biasa. Baru tujuh bulan belajar dalam tingkatan satu, dia semakin asyik bercakap perkara negatif, terutama ketika menonton berita di televisyen. Kawan saya itu cukup bimbang. Apalah yang anaknya tahu mengenai politik pada usia sebegitu muda.

Bagaimanapun, setakat ini kawan saya itu sudahpun menasihatkan anaknya supaya menumpukan sepenuh perhatian kepada pelajaran. Antara kata-kata

nasihatnya kepada anaknya itu ialah: "Masa ini masa abang (nama panggilan kepada anaknya) perlu belajar. Jadi belajarlah bersungguh-sungguh. Jangan fikirkan hal lain yang boleh merosakkan pelajaran.

"Kalau sudah tamat sekolah, masuk universiti dan kemudian lulus dengan baik atau cemerlang nanti, jadilah apa yang abang nak jadi. Waktu itu kalau abang jadi presiden parti pembangkang sekalipun, abah tidak akan bimbang lagi..."

Kawan saya kemudian mengambil contoh Dr Mahathir sendiri untuk diceritakan kepada anaknya. Katanya, sejak lahir hingga usianya 22 tahun, Dr Mahathir belajar dengan tekun di sekolah rendah dan menengah.

Hasil ketekunannya, beliau mendapat pangkat satu dalam peperiksaan Senior Cambridge dengan deretan A1 dalam hampir semua subjeknya, termasuk mata pelajaran Sains dan Matematik.

Kemudian pada usia 22 tahun (1947) beliau melanjutkan pelajaran di Medical College King Edward II University Malaya di Singapura. Di situ beliau belajar bersungguh-sungguh selama tujuh tahun lagi.

Sesudah itu, beliau menjalani latihan kedokteran dan berkhidmat di hospital kerajaan selama tiga tahun lagi. Menjelang 1957 beliau meninggalkan perkhidmatan kerajaan dan membuka klinik sendiri di Alor Star. Selepas itu barulah Dr Mahathir bergerak cergas dalam politik.

Bermakna mulai darjah satu pada 1932 hingga tamat pengajian tinggi dan akhirnya membuka klinik sendiri pada 1957 - selama 25 tahun itu - Dr Mahathir menumpukan perhatian kepada pelajaran dan bidang pengajiannya semata-mata tanpa mencampuradukkannya dengan hal lain walaupun jiwa nasionalisnya yang bencikan penjajah cukup kental.

Tujuh tahun selepas membuka klinik sendiri dan 32 tahun selepas bersekolah dan bekerja, barulah Dr Mahathir bertanding dalam pilihan raya umum sebagai calon Umno bagi kawasan Parlimen Kota Setar Selatan (1964).

Beliau tidak berpolitik waktu belajar dan bekerja dengan kerajaan. Selepas meletakkan jawatan dengan kerajaan dan membuka perniagaan sendiri, barulah beliau berpolitik.

"Dr Mahathir juga tidak bermain politik gila-gila waktu dia berada dalam darjah enam atau tingkatan satu atau ketika belajar di universiti," kata kawan saya itu kepada anaknya.

Selepas itu berkali-kali dia mengulangi nasihat pada anaknya: "Kalau sudah keluar universiti nanti, jadilah apa yang abang nak jadi, sekalipun jadi presiden parti pembangkang menggantikan presidennya yang ada sekarang, abah tak bimbang dan abah tak akan marah tapi abah minta gunakanlah peluang usia muda sekarang untuk belajar dengan bersungguh-sungguh..."

Kemunduran Bumiputera dalam pelajaran sebenarnya dibimbangi tokoh pendidikan sejak dulu hingga sekarang. Ketika hayatnya dulu, tokoh pendidikan negara, Allahyarham Aminuddin Baki selalu mengingatkan anak Melayu supaya jangan mengabaikan pelajaran.

Kemunduran pelajaran akan menjadikan kita bangsa yang daif. Ingatan Aminuddin Baki mengenai pendidikan anak Melayu yang amat nostalgik dan masih saya ingat hingga sekarang terkandung dalam kata bidalan yang selalu disebutnya di mana-mana: "Ayam di kepek mati kelaparan, itik di air mati kehausan."

Kata-kata itu merangsang anak Melayu di ceruk kampung waktu itu bangun mencari jalan ke sekolah, tidak kira sekolah malam, sekolah saudagar atau belajar sendiri.

Zaman 60-an dulu, ramai anak Melayu yang daif dan miskin tetapi mereka dirangsang oleh kata-kata pemimpin seperti Aminuddin Baki yang mengerti maknawi pendidikan dan pelajaran kepada anak bangsanya.

Dari kampung terpencil, sawah ladang, mereka meredah kedaifan hidup, bergadai puai semata-mata untuk masuk kelas malam, belajar sendiri, ambil

SPM berkali-kali, kemudian berdepan dengan cabaran STPM, langsung sesudah itu memanjat tangga universiti.

Ramai daripada anak-anak itu sekarang menjadi pemimpin dan turut mencorakkan pembangunan negara. Segala perjuangan dan pengorbanan yang mereka lakukan dulu sebenarnya kerana keazaman yang tinggi untuk menebus kelemahan Melayu dalam pelajaran.

Semangat ini bagaimanapun semakin pudar sesudah masa berlalu dan waktu beredar. Hari ini jika ada pemimpin yang sebak apabila bercakap mengenai kelemahan pelajaran anak Melayu, orang tidak begitu kisah, ia bagaikan suatu perkara biasa.

Barangkali perkara ini ada hubung kait dengan tabiat kita yang cepat lupa kepada sejarah atau kita mungkin tidak pernah tahu bahawa suatu ketika dulu, ada abang, ada bapa atau ada datuk kita yang tersungkur berkali-kali kerana meredah onak dan duri untuk mencari pelajaran di kelas-kelas malam yang dibuka semata-mata dengan niat untuk mengangkat darjat Melayu dalam pelajaran.

Ketika berucap di Konvensyen kepemimpinan Generasi Muda se-Malaysia di Kuala Lumpur pada 7 April 1996, Dr Mahathir pernah berkata:

"Ramai daripada kita hari ini ialah generasi muda.

"Kebanyakan kita hidup selepas merdeka dan kita tidak tahu keadaan ketika dijajah. Dalam buku kita baca kita dijajah, tapi kita tak boleh rasa pedih dan peritnya dijajah. Saya biasa hidup dalam empat zaman penjajahan - British, Jepun, Siam dan British semula.

Ketika kita dijajah, kehidupan kita sangat perit, terutama orang Melayu. Mereka anggap kita golongan yang tidak tahu buat apa pun.

Ketika saya belajar di universiti di Singapura, orang Kedah digelar orang tanam padi. Mereka fikir orang Melayu ketika itu tiada kemahiran lain selain bertani."

(END)